

Identifikasi Kesan Kaedah Pintas Iqra Terhadap Tahap Penguasaan Huruf Hijaiyyah Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Di Malaysia

Muhamad Zahiri Awang Mat^a
Siti Salwa Md. Sawari^b
Aziroh Puteh^a
Nur Farhie Syazreen Zubir^a

^a *Kuliyah of Education, International Islamic University Malaysia,
Selangor, MALAYSIA.*

^b *Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Univeriti Teknologi Malaysia, Skudai
Johor, MALAYSIA.*

Article Information
Received 3 March 2016
Received in revised form
19 Dec 2016
Accepted 20 Dec 2016

Abstrak

Pembacaan al-Quran dalam kehidupan seharian seorang Muslim amat penting untuk mengukuhkan keimanan dan ketakwaan mereka. Namun begitu mutakhir ini, ramai kalangan anak-anak Muslim yang gagal membaca al-Quran dengan baik. Perkara ini mewujudkan satu keimbangan kepada para pendidik. Maka dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti sejauh mana kaedah pintas Iqra' mampu meningkatkan penguasaan para pelajar dalam bacaan huruf hijaiyyah dan al-Quran secara umumnya. Kajian tindakan ini melibatkan pemerhatian, temu bual dan pelaksanaan ujian bagi mengumpul data. Seramai 18 orang responden telah dipilih sebagai subjek dalam kajian ini. Dapatkan kajian tindakan menunjukkan bahawa kaedah pintas Iqra' berjaya meningkatkan penguasaan para pelajar dalam bacaan huruf hijaiyyah. Maka dengan ini diharapkan kaedah pintas Iqra' boleh dijadikan panduan kepada para guru dalam menangani masalah pembacaan al-Quran dalam kalangan murid-murid sekolah.

© Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Kata Kunci: Kaedah Pengajaran, Pintas Iqra', Al-Quran, Huruf Hijaiyyah

Abstract

Reading the Quran every day is very important for all Muslims to strengthen their faith and piety. However, recently, many of the Muslim children have failed to read the Quran properly. This creates a concern to educators. Therefore, this study was conducted to identify the extent to which the Pintas Iqra' method could improve the students' proficiency level in reading the hijaiyyah letters and the Quran in general. This research involved observation, interviews and performance tests for data collection. A total of 18 respondents were chosen as subjects for this study.

The findings showed that the Pintas Iqra' method has managed to increase the students' proficiency in reading hijaiyyah letters. Hence, it is hoped that the Pintas Iqra' method could be used as a guideline for educators to deal with the problems in Quranic reading among school students.

Keywords: Teaching Method, Pintas Iqra', Al-Quran, Hijaiyyah Letters

PENGENALAN

Pendidikan Islam meletakkan landasan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber utama memperoleh ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam bagi membentuk sikap kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah (Mohamad, Suradin & Khamisan, 2008). Apabila pendidikan Islam dapat dilaksanakan dengan berprinsipkan al-Quran dan as-Sunnah maka hasilnya pelajar mampu memikul tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah bagi membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negaranya secara seimbang.

Al-Quran merupakan elemen terpenting dalam kehidupan umat Islam (Al-Hafiz, Ghazali, Md. Sawari, 2015, Al-hafiz, et, al. 2016a & Al-hafiz, et, al. 2016b). Pendidikan al-Quran bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertaqwah, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Ahmad Mohd Salleh, 1997). Matlamat utama pendidikan al-quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-quran mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda Islamik yang bakal melahirkan generasi yang alim, dai dan profesional dalam memenuhi matlamat pendidikan al-Quran (Syarifuddin, 2004 & Shihab, 2007). Wajarlah seseorang guru berusaha mengajar dan menyampaikan apa sahaja ilmu berkaitan al-Quran dengan sebaik-baiknya walaupun ilmu yang sedikit namun berguna agar semua anak-anak Islam celik al-Quran dan merasa seronok membaca kalam Allah itu. Perkara ini amatlah penting untuk memastikan anak-anak kecil hari ini mampu untuk mengenali al-Quran dan mampu membacanya. Perkara yang membimbangkan masyarakat Muslim hari ini adalah apabila wujud anak-anak yang lemah bacaan Al-Quran mereka (Noh & Tarmizi, 2009). Maka dengan itu kajian ini telah dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid-murid terhadap huruf hijaiyyah dan kesan penggunaan kaedah Pintas Iqra' untuk meningkatkan penguasaan huruf hijaiyyah mereka.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah murid dapat mengecam bunyi huruf hijaiyyah tunggal pelbagai baris?
2. Adakah kaedah pintas Iqra' boleh meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sebutan hijaiyyah?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah suatu kajian tindakan yang melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual dan ujian lisan untuk mengumpulkan data kajian. Seramai 18 orang murid sekolah rendah telah terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada murid tahun 2 yang telah didedahkan dengan ayat-ayat dari al-Quran di dalam sukatan mata pelajaran pendidikan Islam standard kurikulum tahun 2.

I. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan dalam memperoleh keputusan penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temu duga. Menggunakan kaedah ini, penyelidik perlu memerhati sampel-sampelnya dalam tempoh masa yang tertentu. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dilakukan semasa aktiviti *tasmik* murid. Proses ini di jalan secara 2 peringkat iaitu membaca menggunakan kad sifir huruf hijaiyyah tunggal dan bacaan mereka dicatatkan. Peringkat yang kedua, selepas melepassi kad sifir yang pertama, murid boleh mencuba menggunakan kaedah kad sifir ini menyebut dan membaca huruf hijaiyyah bersambung dalam satu ayat. Hasil bacaan murid tersebut akan menilai untuk keberkesanan penggunaan kaedah ‘Pintas Iqra-kad sifir a,i,u’

II. Temu bual (untuk mengenal pasti pengecaman bunyi huruf pelbagai baris)

Temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai latar belakang murid tersebut mengenai pembacaan al-Quran di rumah, ibu bapa menghantar anak-anak ini belajar mengaji di luar atau tidak dan sebagainya. Ia juga digunakan untuk guru lebih mengenal pasti tahap pengecaman bunyi huruf pelbagai baris yang diucapkan oleh murid tersebut. Daripada maklumat tersebut, guru dapat merumuskan dan penjelasan yang lebih jelas dan mendalam mengenai isu yang dibincangkan.


III.Ujian bacaan / Lisan (menggunakan kad sifir bacaan kaedah a, i , u)

Guru menggunakan kad sifir kaedah bunyi a,i,u untuk melatih murid membaca secara berulang-ulang dan latih tubi setiap hari. Murid akan mengikuti dan mengulangi bacaan tersebut dan akan memperdengarkan bacaan mereka sekurang kurangnya 10 minit setiap hari tanpa gagal. Guru akan mencatat setiap perkembangan atau kemajuan pengecaman dan bacaan murid tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dilaksanakan pengkaji semasa beberapa minggu awal pembelajaran, dapatan kajian mendapati murid tidak dapat mengecam bunyi huruf hijaiyyah tunggal yang pelbagai baris. Bukan itu sahaja, murid juga tidak dapat menyebut huruf-huruf hijaiyyah tunggal yang mengandungi pelbagai baris. Berdasarkan pemerhatian ini juga pengkaji mendapati murid tidak dapat membaca huruf-huruf hijaiyyah tunggal yang mengandungi pelbagai baris. Maka dengan itu kesemua murid ini telah diajar dengan menggunakan kaedah pintas Iqra.


Hasil daripada ujian yang dijalankan terhadap 18 orang murid tersebut mengenai bacaan huruf hijaiyyah tunggal dan bersambung pelbagai baris dengan menggunakan kaedah ‘Pintas Iqra’ menggunakan kad sifir a,i,u ini adalah seperti dalam rajah 1 di bawah;



Rajah 1: Perbandingan Pencapaian Murid Setelah Menggunakan Kaedah Kad Sifir 1 dan 2 Pada Kajian Kali Pertama Dan Kedua.

Berdasarkan perbandingan pencapaian murid setelah 10 kali menggunakan kedua-dua kad sifir yang dijalankan terhadap murid di kedua-dua buah sekolah, hasil mendapat bahawa tahap penguasaan murid bagi kad sifir yang pertama adalah kurang berbanding kad sifir 2.

Bagi penggunaan kad sifir 1, seramai 8 daripada 10 responden tidak berjaya melepas bacaan dengan betul. Ini mungkin kerana pada permulaan penggunaan kad 1, mereka masih merasa sukar kerana masalah tidak tahu membunyikan tanda baca tersebut. Tetapi setelah berulang-ulang kali mereka dilatih membaca kad tersebut sehingga kad yang ke 2, mereka telah berjaya meningkatkan tahap kemahiran membaca huruf dan ayat pelbagai baris dengan lebih baik. Seterusnya, seramai 15 orang responden daripada 18 telah berjaya menguasai pembacaan kad yang ke 2. Ini adalah kerana mereka telah berjaya melepas bacaan kad 1 setelah 10 kali pembacaan dengan begitu baik dan memberangsangkan.



Rajah 2: Tahap penguasaan pelajar terhadap huruf Hijaiyyah selepas menggunakan kaedah pintas Iqra'

Dari rajah di atas, didapati hanya 20% murid tidak menunjukkan sebarang peningkatan dalam penguasaan huruf hijaiyyah ini. Manakala selebihnya, 80% murid mampu menguasai baris huruf hijaiyyah sama ada tunggal atau bersambung dengan baik. Pengkaji juga mendapati 2 orang pelajar daripada 20% yang tidak Berjaya di dalam ujian ini selepas menggunakan kaedah pintas Iqra mempunyai masalah kekeliruan dalam mengenal baris dan huruf-huruf yang dipamerkan, ini boleh di kaitan dengan masalah disleksia.

KESIMPULAN

Sepanjang melaksanakan kajian ini, ternyata dengan menggunakan kaedah Pintas Iqra' – Kad Sifir a,i,u didapati murid-murid mampu dan boleh membaca huruf-huruf hijaiyyah tunggal dan bersambung pelbagai baris dengan berkesan. Daripada kajian ini juga menyedarkan guru-guru agar perlu berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif dalam menyediakan satu kaedah pembelajaran yang sesuai, menyeronokkan dan berkesan.

Kaedah ini banyak membantu kami menyelesaikan masalah kelemahan murid dalam mengenal, mengecam dan membaca huruf-huruf hijaiyyah tunggal dan bersambung pelbagai baris. Melalui pengalaman kami menggunakan kaedah ini, para guru harus menekan pembacaan murid-murid secara konsisten kerana didapati sekiranya murid tersebut tidak mengulangi atau memperdengarkan bacaan mereka kepada guru mereka akan mudah lupa dan keliru semula dengan pembacaan mereka. Perbandingan dan pemerhatian dibuat, sekiranya murid tersebut meninggalkan pembacaan mereka sehari mereka akan bermasalah untuk mengingat semula bacaan yang semalam dan ini mengakibatkan mereka sukar pula menerima bacaan-bacaan yang baru.

Perlu diingatkan juga bahawa, sebelum melaksanakan kaedah ini, guru-guru harus membuat persediaan dari segi mental dan fizikal dari segi pengorbanan masa, material dan emosi. Guru harus memastikan latihan bacaan yang diberikan kepada murid-murid yang diuji mestilah konsisten dan

mengikut peraturan. Sesi *tasmik* juga tidak boleh terlalu lama dan maksimum waktu perjumpaan adalah 10 minit sahaja. Dicadangkan guru mengambil masa 5 minit sahaja setiap kali perjumpaan sama ada seorang demi seorang atau maksimum 4 orang murid dengan tahap yang sama. Sekiranya perlu, guru-guru digalakkan bekerjasama dengan ibu bapa untuk memastikan peningkatan pembacaan murid adalah terbaik.

Kesimpulannya, sepanjang melaksanakan kajian tindakan ini, kami banyak mempelajari perkara yang kami boleh jadikan bekalan untuk kajian pada masa hadapan. Bermula daripada perkara yang asas kepada perkara yang lebih besar telah kami harungi sepanjang menjalankan kajian tindakan ini dan kami berharap kaedah ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi para guru untuk yang mempunyai murid yang bermasalah mengenali, mengecam bacaan huruf hijaiyyah pelbagai baris ini. Di samping itu, kami juga berharap agar setiap daptan kajian dan ilmu baru yang diperoleh sepanjang melaksanakan kajian tindakan ini dapat dimanfaatkan untuk melahirkan generasi yang boleh membaca al-Quran dengan baik dan fasih demi menjaga kesucian dan ketinggian Kalam Allah itu.

RUJUKAN

- Mohamad, B., Suradin, A., & Khamisan, Z. A. H. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti.
- Noh, M. A. C., & Tarmizi, R. A. (2009). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran (Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.
- Syarifuddin, A. (2004). Mendidik anak: membaca, menulis dan mencintai Al-Quran. Gema Insani.
- Shihab, M. Q. (2007). Secercah Cahaya Ilahi: Hidup Bersama Al-Quran. Mizan Pustaka.
- Rosinah Edinin (2012), Penyelidikan Tindakan – Kaedah dan Penulisan, Kuala Lumpur : Freeman Horizons Sdn. Bhd.
- Abd. Razak Habib (2006). HBEP 2503 Kaedah Kajian Dalam Penyelidikan. Kuala Lumpur : UNITEM Sdn. Bhd.
- Sang, M. S. (2009). Siri Pengajian Profesional : Literatur dan Kaedah Penyelidikan. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piau (2006). Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1 : Kaedah Penyelidikan. Selangor Darul Ehsan : Malaysia :McGraw Hill Education.
- Al Hafiz, M. H. M., Ghazali, M. A. I., & Sawari, S. S. M. (2015). "Eksplorasi Hubungan Hafazan Al-Quran Dan Kecemerlangan Para Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong". In International Seminar on Educational (No. 2015).
- Al Hafiz, M. M., Yusof, M. F., Ghazali, M. A. I., & Sawari, S. S. M. (2016a). Descriptive Qualitative Teaching Method of Memorization in The Institution of Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Condong and the Students' Level of Academic Excellence. Mediterranean Journal of Social Sciences, 7(1 S1), 79.
- Al Hafiz, M. M., Yusof, M. F., Ghazali, M. A. I., & Sawari, S. S. M. (2016b). "Historiography of Quranic Memorization from the Early Years of Islam until Today". *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1 S1), 279.